

Solat (Sembahyang)

Bahagian yang kedua di dalam makalah ini kami hidangkan beberapa ayat al-Qur'an al-Karim yang ada hubungannya dengan soal perintah mengerjakan sembahyang, faedah dan kepentingannya, bahaya bagi orang yang meninggalkannya dengan senghaja dan diiringi dengan keterangan-keterangan dan bahasan-bahasan yang lengkap mengenai dengannya. Semoga dengan keterangan-keterangan tersebut akan dapatlah kita melakukan ibadah sembahyang dengan lebih sempurna dan berkesan

– P.

(Oleh: Haji Munawwar Khalil)

Ayat yang pertama:

Firman Allah di dalam sūrat al-Baqarah ayat (3): “*Alladhīna yu'minūna bi al-ghaybi wa yuqīmūna al-ṣalāta wa mim mā razaqnāhum yunfiqūn*”. Ertinya: (Yaitu – orang-orang yang percaya kepada yang ghaib, dan mendirikan sembahyang dan membelanjakan sebahagian daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka.)

Keterangan:

Ayat yang pertama menerangkan bahawa sifat orang yang takwa kepada Allah, ialah orang yang percaya kepada barang yang ghaib dan mendirikan sembahyang dan membelanjakan atau mendermakan akan sebahagian daripada harta yang telah dikurniakan oleh Allah kepadanya (dengan mengeluarkan zakat).

Dengan ayat tersebut jelaslah bahawa di antara sifat orang-orang takwa kepada Allah itu ialah orang-orang yang mendirikan (mengerjakan) sembahyang yang lima waktu.

Ayat yang kedua:

Firman Allah di dalam sūrat al-Baqarah Ayat (43): “*Wa aqīmū al-ṣalāta wa ātū al-zakāta wa irka'ū ma'a al-rāki'in*” ertinya: (Dan dirikanlah olehmu akan sembahyang dan

keluarkanlah olehmu akan zakat dan rukuklah kamu bersama dengan orang-orang yang rukuk).

Keterangan:

Ayat yang kedua ini mengandungi keterangan bahawa kaum Banī Isrā'īl (pengikut-pengikut Nabi Mūsā 'alayhi al-salām) diperintahkan oleh Allah supaya mereka itu beriman kepada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat selain dari itu diperintahkan juga supaya mereka rukuk bersama-sama orang yang rukuk.

Ayat yang ketiga:

Firman Allah di dalam sūrat al-Baqarah ayat (45): “*Wa ista'inū bi al-ṣabri wa al-ṣalāti wa innahā la kabīratu illā 'alā al-khāshī'in*.” Ertinya: (Dan mintalah pertolongan oleh kamu dengan sabar dan dengan sembahyang, kerana sesungguhnya sembahyang itu memang berat, melainkan di atas orang-orang yang khusyuk).

Keterangan:

Di dalam ayat yang ketiga ini mengandungi keterangan bahawa kaum Banī Isrā'īl diperintahkan supaya memohon pertolongan kepada Allah dengan bersabar atau

tahan uji dalam menghadapi segala apa yang dibencinya dan dengan mengerjakan sembahyang. Sifat sabar dan mengerjakan sembahyang itu kedua-duanya memang berat atau amat sukar untuk mengerjakannya. Kecuali di atas orang-orang yang khusyuk jiwanya.

Sungguhpun ayat yang kedua dan yang ketiga ini pada zahirnya ditujukan kepada kaum Banī Isrā'īl, tetapi pada hakikat yang sbeernanya adalah ditujukan juga kepada kaum Muslimin yang terdiri daripada pengikut-pengikut Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Ayat yang keempat:

Firman Allah di dalam sūrat al-'Ankabūt ayat (45): “*Utlu mā ūḥiya ilayka mina al-kitābi wa aqimi al-ṣalāta inna al-ṣalāta tanhā 'ani al-fahshā'i wa al-munkari wa li dhikri Allāhi adbanu wa Allāhu ya'lamu mā taṣna'ūn*” ertinya: (Bacakanlah olehmu (wahai Muḥammad) apa-apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Kitāb (Qur'an) dan dirikanlah olehmu sembahyang¹, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada segala perbuatan-perbuatan jahat dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah itu sangat besar gunanya.

¹ Perkataan sebenar ialah sembahyang.

Dan Allah itu mengetahui segala yang kamu laku-lakukan.

Keterangan:

Ayat yang keempat antara lain mengandung keterangan bahawa Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* diperintahkan Allah supaya menyampaikan ayat-ayat suci al-Qur’ān yang telah diwahyukan kepadanya. Dan selain dari itu diperintahkan pula supaya mendirikan sembahyang, itu dapat mencegah atau menjauhkan seseorang yang melakukannya daripada mengerjakan perbuatan-perbuatan jahat dan mungkar baik dengan cara bersembunyi-sembunyi mahupun dengan berterang-terangan.

Ayat yang kelima:

Firman Allah di dalam sūrat al-Ma‘ārij dari ayat 19 hingga ayat 22: **“Inna al-insāna khuliqa halū‘ā. Idhā massahu al-sharru juzu‘ā. Wa idhā massahu al-khayru manu‘ā. Illā al-muṣallīn.”** Ertinya: (Sesungguhnya manusia itu dijadikan bersifat keluh-kesah. Apabila ia ditimpa kecelakaan (kesusahan), amat gelisah. Dan apabila ia ditimpa kebaikan (kesenangan), ia amat menegah kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang).

Keterangan:

Ayat yang kelima menerangkan, bahawa manusia itu dijadikan Tuhan dengan bersifat suka berkeluh-kesah apabila ia ditimpa oleh sesuatu kecelakaan, kesulitan hidup dan sebagainya, maka ia sangat merasa gelisah. Dan apabila ia memperoleh kebaikan, kesenangan, kelapangan hidup dan sebagainya, maka ia menegah, tidak mahu memberikan bantuan kepada orang lain yang berhajatkan kepada

sebarang pertolongan. Kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang.

Ayat yang keenam:

Firman Allah di dalam sūrat Ṭahā ayat (14): **“Innanī anā Allāhu lā ilāha illā ana fa u‘budnī wa aqimi al-salāta li dhikrī.”** Ertinya: (Sesungguhnya Aku, Aku Allah. Tidak ada Tuhan melainkan aku. Maka sembahlah olehmu akan Daku. Dan dirikanlah olehmu akan sembahyang untuk mengingati Aku).

Keterangan:

Ayat yang keenam antara lain mengandungi keterangan bahawa Nabi Mūsā ‘alayhi al-salām telah diperintahkan oleh Allah supaya mendirikan (mengerjakan) akan sembahyang dengan tujuan untuk mengingati kepada-Nya. Dengan ayat ini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa tujuan mendirikan sembahyang itu ialah untuk mengingati Allah Tuhan seru sekalian alam.

Ayat yang ketujuh:

Firman Allah di dalam sūrat al-Nūr ayat (37): **“Rijālun lā tulhīhim tijāratu wa lā bay‘u ‘an dhikri Allāhi wa iqāmi al-salāti wa ṭā‘i al-zakāh.”** Ertinya: (Orang-orang lelaki yang tidak dilalaikan mereka itu oleh perniagaan dan tidak pula oleh jual beli daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat.”)

Keterangan:

Dalam ayat yang ketujuh ini Tuhan menerangkan bahawa orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang tidak dilengahkan atau dilupakan oleh urusan perniagaan atau oleh jual beli dari mengingati

Allah dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat.

Ayat yang kedelapan:

Firman Allah di dalam sūrat al-An‘ām ayat (92): **“Wa alladhīna yu‘minūna bi al-ākhirati yu‘minu bihi wa hum ‘alā ṣalātihim yuhāfiẓūn.”** Ertinya: (Dan orang-orang yang percaya kepada hari Akhirat itu, mereka percaya kepadanya (al-Qur’ān) dan mereka itu sentiasa memelihara akan sembahyang mereka itu).

Keterangan:

Ayat yang kedelapan pula menerangkan bahawa orang-orang yang beriman kepada hari Akhirat itu tentu mereka percaya kepada Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang menyampaikan al-Qur’ān dan mereka itu sentiasa memelihara akan sembahyang mereka dengan mengerjakannya pada setiap waktu yang ditetapkan.

Ayat yang kesembilan:

Firman Allah di dalam sūrat Maryam ayat (59): **“Fa khalafa min ba‘dihim khalfun aqā‘ū al-salāta wa ittaba‘ū al-shahawāti fa sawfa yalqawna ghayyā.”** Ertinya: (Kemudian tinggallah sesudah mereka itu suatu kaum yang mereka sama menyia-nyiakan akan sembahyang dengan menurut kemahuan hawa nafsu mereka, maka mereka itu akan jatuh terlempar ke dalam jurang kesesatan”).

Keterangan:

Ayat yang kesembilan ini mengandungi keterangan yang menunjukkan bahawa orang-orang yang telah menyia-nyiakan akan sembahyang dan mengikut kemahuan syahwat dan keinginan hawa nafsunya, mereka itu akan dilemparkan ke dalam jurang kesesatan atau kebinasaan, walaupun

mereka itu daripada darah keturunan para nabi pesuruh Allah.

Ayat yang kesepuluh:

Firman Allah di dalam sūrat al-Tawbah ayat (5): “*Fa in tābū wa aqāmū al-ṣalāta wa atū al-zakāta fa khallū sabīlahum inna Allāha ghafūru raḥīm.*” Ertinya: (Maka jika mereka itu telah bertaubat dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka berikanlah oleh kamu jalan mereka, kerana sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Penyayang.)

Keterangan:

Ayat yang kesepuluh mengandungi petunjuk yang menyatakan bahawa kaum musyrikin wajib diperangi oleh kaum Muslimin, melainkan jika mereka itu telah bertaubat dari kekafirannya dan telah mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka oleh Allah diperintahkan supaya mereka itu dibiarkan atau dilepaskan atau dimerdekakan dari segala kepungan dan pengawasan kaum Muslimin.

Ayat yang kesebelas:

Firman Allah di dalam sūrat al-Tawbah ayat (11): “*Fa inn tābū wa aqāmū al-ṣalāta wa atū al-zakāta fa ikhwānukum fī al-dīni wa nufaṣṣilu al-ayāti li qawmi ya‘lamūn.*” Ertinya: (Maka jika mereka itu (orang-orang musyrikin) telah bertaubat dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka mereka itu adalah saudara-saudara kamu dalam agama, dan Kami menjelaskan ayat-ayat Kami kepada orang-orang yang mahu mengetahui).

Keterangan:

Ayat yang kesebelas ini menyatakan bahawa seluruh kaum musyrikin itu wajib

diperangi oleh kaum Muslimin, kecuali jika mereka itu telah bertaubat dari kemusyrikinannya dan telah mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka mereka itu telah menjadi saudara yang seagama dengan kaum Muslimin.

Ayat yang kedua belas:

Firman Allah di dalam sūrat al-Muddaththir ayat (42-43): “*Mā salakakum fī saqar. Qālū lam naku mina al-muṣallīn.*” Ertinya: (Apa sebny² kamu masuk ke dalam Neraka *Saqar*? Mereka berkata: Kami tidak menjadi golongan orang-orang yang mengerjakan akan sembahyang-sembahyang).

Keterangan:

Ayat yang kedua belas ini pula mengandungi keterangan yang menunjukkan bahawa pada Hari Kiamat, sewaktu berada di alam Akhirat kelak orang-orang yang tidak mengerjakan sembahyang akan ditanya: Mengapa meereka dimasukkan ke dalam neraka yang bernama *Saqar*? Pada ketika itu mereka akan menjawab dengan menyatakan sebab-sebab maka mereka dimasukkan ke dalam Neraka *Saqar* itu oleh kerana semasa mereka hidup di dunia dahulu mereka tidak pernah mendirikan sembahyang.

Ayat yang ketiga belas:

Firman Allah di dalam sūrat al-Mā‘ūn ayat (4-7): “*Fa waylu li al-muṣallīna alladhīna hum ‘an ṣalātihim sāhūn, alladhīna hum yurā‘ūn, wa yamna‘ūna al-mā‘ūn.*” Ertinya: (Maka celakalah bagi orang yang mengerjakan sembahyang, mereka itu lupa (lalai) dari sembahyang mereka yang mereka itu hanya berperasaan riyak dan mereka itu menegah memberikan sebarang pertolongan.)

Keterangan:

Di dalam ayat yang ketiga belas ini mengandungi kenyataan bahawa kecelakaan ditimpakan ke atas orang-orang yang mengerjakan sembahyang, kerana mereka itu lupa dan melalaikan tentang sembahyang. Jika mereka itu mengerjakannya hanya untuk berbangga-bangga (riyak) kepada orang lain sahaja, tidak dengan kerana Allah semata-mata. Dan mereka berkelakuan menegah memberikan pertolongan atau tidak suka memberikan sebarang bantuan kepada orang lain yang berhajat untuk diri³ pertolongan.

Ayat yang keempat belas:

Firman Allah di dalam sūrat al-Nisā’ ayat (143⁴): “*Inna al-munāfiqīna yukhādī‘ūna Allāha wa huwa khādī‘uhum wa idhā qāmū ilā al-ṣalāti qāmū kusālā yurā‘ūna al-nāsa wa lā yadhkurūna Allāha illā qatīlā.*” Ertinya: (Sesungguhnya orang-orang munafik itu mereka menipu Allah dan Allah membalas menipu mereka. Dan apabila mereka berdiri sembahyang, berdirilah mereka dengan keadaan malas, mereka berperasaan riyak kepada manusia dan mereka tidak ingat kepada Allah melainkan sedikit).

Keterangan:

Ayat yang keempat belas ini mengandungi keterangan tentang sebahagian daripada kelakuan orang-orang munafik. Sifat mereka itu suka menipu Allah, tetapi tipuan mereka itu pasti dibalas oleh Allah, dan apabila mereka mendirikan sembahyang, mereka mendirikannya dengan keadaan malas dan sembahyang yang mereka kerjakan itu bukan kerana Allah semata-mata tetapi dengan tujuan untuk dipertunjuk-tunjukkan kepada orang lain, supaya ia dipandang

² Perkataan sebenar ialah sebabnya.

³ Perkataan sebenar ialah diberi.

⁴ Perkataan sebenar ialah 142.